

**TEKS UCAPAN  
DATUK KP  
SEMPENA  
PENDAFTARAN  
PELAJAR  
BAHARU SESI  
1/2025**

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

Seluruh warga Jabatan Tenaga Manusia mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada para pelajar baharu sesi 1/2025 ke Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM).

Mulakan lembaran baru tahun 2025 ini dengan penuh iltizam untuk mempelajari kemahiran dan seterusnya menjadi salah seorang tenaga mahir negara.

Saya berharap para pelajar akan menggunakan peluang ini sebaik mungkin untuk meneroka ilmu di ILJTM yang mempunyai tenaga pengajar yang hebat dan kemudahan pembelajaran yang lengkap. Para pelajar dinasihatkan supaya sentiasa aktif melibatkan diri dalam program-program yang dianjurkan oleh ILJTM dan program-program yang dianjurkan oleh pelajar-pelajar sendiri.

Kami di ILJTM komited untuk menggilap kemahiran dan bakat para pelajar supaya menjadi seorang yang berjasa kepada ibu bapa, masyarakat dan juga negara. Semoga para pelajar tidak mensia-siakan pengorbanan dan sokongan ibu bapa dan pengajar selama ini demi melihat kejayaan para pelajar sekalian.

Selamat tahun baru, selamat berhijrah masuk ke alam TVET. Percayalah bahawa kejayaan anda ada di tangan anda. Selamat maju jaya anak-anak TVET JTM.